



**Circular No 027/2013  
Dated 31 Jan 2013**

To Members of the Malaysian Bar

**Stamp Duty (Remission) (No 3) Order 2012 and Stamp Duty (Remission) (No 4) Order 2012**

Please be informed that Stamp Duty (Remission) (No 3) Order 2012 and Stamp Duty (Remission) (No 4) Order 2012 came into effect on **1 Jan 2013**, and are applicable where the Sale and Purchase Agreement is executed on or after 1 Jan 2013, but not later than 31 Dec 2014.

Stamp Duty (Remission) (No 3) Order 2012 provides for the remission of fifty per cent from the stamp duty chargeable on any loan agreement to finance the purchase of residential property costing not more than RM400,000, subject to the conditions stipulated in PU (A) 416.

Stamp Duty (Remission) (No 4) Order 2012 provides for the remission of fifty per cent from the stamp duty chargeable on any instrument of transfer for the purchase of residential property costing not more than RM400,000, subject to the conditions stipulated in PU (A) 417.

Please find attached the following documents for your reference:

- (1) Stamp Duty (Remission) (No 3) Order 2012, gazetted in PU (A) 416 (in Bahasa Malaysia and English);
- (2) Stamp Duty (Remission) (No 4) Order 2012, gazetted in PU (A) 417 (in Bahasa Malaysia and English);
- (3) Statutory Declaration to apply for the remission from the stamp duty chargeable on a loan agreement (in Bahasa Malaysia); and
- (4) Statutory Declaration to apply for the remission from the stamp duty chargeable on an instrument of transfer (in Bahasa Malaysia).

For enquiries, kindly contact Chuah Ying Ying, Officer, by telephone at 03-2050 2106, by fax at 03-2034 2487, or by email at [yingying@malaysianbar.org.my](mailto:yingying@malaysianbar.org.my).

Thank you.

**Hj Abdul Murad b Che Chik**  
**Co-Chairperson**  
**Conveyancing Practice Committee**



26 November 2012  
26 November 2012  
P.U. (A) 416

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 3) 2012

*STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 3) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 3) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 3) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

**Peremitan**

2. (1) Lima puluh peratus diremitkan daripada duti setem yang dikenakan ke atas mana-mana perjanjian pinjaman yang disempurnakan antara seorang pembeli warganegara Malaysia yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dengan—

(a) suatu bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372];

(b) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276];

(c) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618];

(d) suatu perniagaan insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553];

(e) suatu koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502]; atau

- (f) seorang majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan pekerja,

untuk membiayai pembelian satu unit harta kediaman sahaja yang berharga tidak melebihi empat ratus ribu ringgit (RM400,000).

(2) Peremitan duti setem yang dikenakan ke atas mana-mana perjanjian pinjaman yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai dengan syarat bahawa—

- (a) Perjanjian Jual Beli bagi harta kediaman disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2014;
- (b) pembeli tidak memiliki harta kediaman yang lain pada tarikh Perjanjian Jual Beli itu disempurnakan; dan
- (c) permohonan bagi peremitan duti setem hendaklah dibuat sekali sahaja.

(3) Dalam perenggan ini—

“harta kediaman” ertinya rumah, unit kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman; dan

“pembeli” ertinya seorang pembeli atau pembeli bersama.

Dibuat 14 November 2012  
[Perb. CR(8.20)116/1138(2013)(SK.11);LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt.19;  
PN(PU2)159/XXXVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 3) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(2) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Remission) (No. 3) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2013.

**Remission**

2. (1) Fifty per cent is remitted from the stamp duty chargeable on any loan agreement executed between a purchaser named in a Sale and Purchase Agreement who is a Malaysian citizen and—

(a) a bank or finance company licensed or deemed to be licensed under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372];

(b) a bank licensed under the Islamic Banking Act 1983 [Act 276];

(c) a development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618];

(d) an insurance business registered under the Insurance Act 1996 [Act 553];

(e) a co-operative society registered under the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502]; or

(f) an employee under an employee housing loan scheme,

to finance the purchase of only one unit of residential property costing not more than four hundred thousand ringgit (RM400,000).

(2) The remission of the stamp duty chargeable on any loan agreement referred to in subparagraph (1) shall only apply provided that—

- (a) the Sale and Purchase Agreement for the purchase of a residential property is executed on or after 1 January 2013 but not later than 31 December 2014;
- (b) the purchaser does not own any other residential property at the date of execution of that Sale and Purchase Agreement; and
- (c) the application for the remission of the stamp duty shall only be made once.

(3) In this paragraph—

“residential property” means a house, a condominium unit, an apartment or a flat built as a dwelling house; and

“individual” means a purchaser or co-purchasers.

Made 14 November 2012

[Perb. CR(8.20)116/1-138(2013)(SK.11); LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt. 19;  
PN(PU2)159/XXXVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*



26 November 2012  
26 November 2012  
P.U. (A) 417

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 4) 2012

*STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 4) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 4) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 4) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

**Peremitan**

2. (1) Lima puluh peratus diremitkan daripada duti setem yang dikenakan ke atas mana-mana surat cara pindah milik bagi pembelian satu unit harta kediaman sahaja yang berharga tidak melebihi empat ratus ribu ringgit (RM400,000) oleh seseorang individu warganegara Malaysia dengan syarat bahawa—

(a) Perjanjian Jual Beli bagi harta kediaman yang disebut dalam subperenggan (1) disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2014;

(b) individu yang disebut dalam subperenggan (1) tidak memiliki harta kediaman yang lain pada tarikh Perjanjian Jual Beli itu disempurnakan; dan

(c) permohonan bagi peremitan duti setem di bawah subperenggan (1) hendaklah dibuat sekali sahaja.

(2) Dalam perenggan ini—

“harta kediaman” ertinya rumah, unit kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman; dan



“pembeli” ertinya seorang pembeli atau pembeli bersama.

Dibuat 14 November 2012

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2013)(SK.11); LHDN.01/35/(S)/42/51 Klt. 19;  
PN(PU2)159/XXXVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 4) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(2) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Remission) (No. 4) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2013.

**Remission**

2. (1) Fifty per cent is remitted from the stamp duty chargeable on any instrument of transfer for the purchase of only one unit of residential property costing not more than four hundred thousand ringgit (RM400,000) by an individual who is a Malaysian citizen provided that—

(a) the Sale and Purchase Agreement for the purchase of the residential property referred to in subparagraph (1) is executed on or after 1 January 2013 but not later than 31 December 2014;

(b) at the date of execution of that Sale and Purchase Agreement the individual referred to in subparagraph (1) does not own any other residential property; and

(c) the application for the remission of stamp duty under subparagraph (1) shall only be made once.

(2) In this paragraph—

“residential property” means a house, a condominium unit, an apartment or a flat built as a dwelling house; and

“individual” means a purchaser or co-purchasers.

Made 14 November 2012

[Perb. CR(8.20)116/1-138(2013)(SK.11); LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt. 19;  
PN(PU2)159/XXXVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

**AKUAN BERKANUN DIBUAT BERHUBUNG PERMOHONAN PEREMITAN DUTI SETEM,  
PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO.3/2012) – [P.U. (A) 416] AKTA SETEM 1949  
BAGI SURAT CARA PERJANJIAN PINJAMAN**

**[PEMBELIAN HARTA KEDIAMAN BERHARGA TIDAK MELEBIHI RM400,000 PADA  
ATAU SELEPAS 01/01/2013 TETAPI TIDAK LEWAT DARIPADA 31/12/2014]**

Saya/Kami, ..... (No. K.P).....  
dan beralamat di.....  
dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

1. Pernyataan yang dinyatakan di bawah adalah benar;
2. Saya/Kami adalah pembeli yang telah menandatangani Perjanjian Jual Beli harta kediaman yang dipegang di bawah H.S. (D) ..... Lot No..... Mukim ..... Negeri ..... bertarikh ..... di antara ..... (penjual) dan ..... (pembeli);
3. Pinjaman berjumlah RM ..... telah diperolehi daripada ..... dan digunakan bagi pembelian harta kediaman berharga tidak melebihi RM400,000 menurut Perjanjian Jual beli yang disempurnakan pada atau selepas 01 Januari 2013 hingga 31 Disember 2014.
4. Saya/Kami tidak memiliki harta kediaman yang lain pada masa Perjanjian Jual Beli ditandatangani dan belum pernah diluluskan permohonan peremitan duti setem di bawah peremitan ini.
5. Saya/kami juga faham sekiranya terbukti bahawa maklumat yang diberikan tidak benar, peremitan yang telah diberi akan ditarik balik dan duti serta penalti di bawah seksyen 47A boleh dikenakan jika berkenaan.

Dan saya/kami membuat perakuan ini dengan penuh kesedaran dan kepercayaan bahawa semua fakta yang diberi adalah benar menurut kehendak peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Dinyatakan dan sesungguhnya diakui )  
oleh ..... )  
di ..... )  
pada ..... )

Di hadapan saya,

.....  
Pesuruhjaya Sumpah

**AKUAN BERKANUN DIBUAT BERHUBUNG PERMOHONAN PEREMITAN DUTI SETEM,  
PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO.4/2012) – [P.U. (A) 417] AKTA SETEM 1949  
BAGI SURAT CARA PINDAH MILIK HARTA TANAH**

**[PEMBELIAN HARTA KEDIAMAN BERHARGA TIDAK MELEBIHI RM400,000 PADA  
ATAU SELEPAS 01/01/2013 TETAPI TIDAK LEWAT DARIPADA 31/12/2014]**

Saya/Kami, ..... (No. K.P)..... dan  
beralamat di .....  
dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

1. Pernyataan yang dinyatakan di bawah adalah benar;
2. Saya/Kami adalah pembeli yang telah menandatangani Perjanjian Jual Beli harta kediaman yang dipegang di bawah H.S. (D) ..... Lot No..... Mukim ..... Negeri ..... bertarikh ..... di antara ..... (penjual) dan ..... (pembeli);
3. Pembelian harta kediaman tersebut di atas berharga tidak melebihi RM400,000 menurut Perjanjian Jual beli yang disempurnakan pada atau selepas 01 Januari 2013 hingga 31 Disember 2014.
4. Saya/Kami tidak memiliki harta kediaman yang lain pada masa Perjanjian Jual Beli ditandatangani dan belum pernah diluluskan permohonan peremitan duti setem di bawah peremitan ini.
5. Saya/kami juga faham sekiranya terbukti bahawa maklumat yang diberikan tidak benar, peremitan yang telah diberi akan ditarik balik dan duti serta penalti di bawah seksyen 47A boleh dikenakan jika berkenaan.

Dan saya/kami membuat pengakuan ini dengan penuh kesedaran dan kepercayaan bahawa semua fakta yang diberi adalah benar menurut kehendak peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Dinyatakan dan sesungguhnya diakui )  
oleh ..... )  
di ..... )  
pada ..... )

Di hadapan saya,

.....  
Pesuruhjaya Sumpah